http://banksoalanspm.blogspot.com/



**SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM SELARAS SBP

**TAHUN 2011** **3756/1**

**PRINSIP PERAKAUNAN**
**KERTAS 1**
**OGOS**
**1 ¼ jam** **Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungai* ***40*** *soalan.*
2. *Jawab* ***semua*** *soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* ***A***, ***B***, ***C*** *dan* ***D***. *bagi setiap soalan, pilih* ***satu*** *jawapan sahaja.* ***Hitamkan*** *jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas ini mengandungi **17** halaman bercetak

*© 2011 Hak Cipta SBPSK*



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



1 Maklumat di bawah ini menerangkan ciri-ciri sejenis perniagaan.

- Bilangan ahli seramai 2 hingga 20 orang
- Liabilitinya tidak terhad
- Modal perniagaan sederhana besar
- Penubuhannya di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan

Jenis perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri di atas?

A Firma Guaman Amir dan Syaz

B Chanlee Teknologi Berhad

C Harizmaaran Enterprise

D Syarikat Safa Sdn Bhd

2 Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu konsep perakaunan.

***Hanya jangkaan kerugian sahaja yang akan diambilkira sebagai belanja di dalam Penyata Pendapatan.***

Apakah konsep perakaunan yang berkaitan?

A Materialiti

B Kos sejarah

C Konservatisme

D Wang sebagai ukuran

3 Rajah di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada kitaran perakaunan.




Apakah X?

© 2011 Hak Cipta SBPSK 

Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



A Catatan penutupan

B Buku catatan pertama

C Imbangan duga

D Penyata kewangan

4 Antara yang berikut, manakah yang dikelaskan sebagai liabiliti bukan semasa?

I Pinjaman

II Pemiutang

III Gadai janji

IV Sewa terakru

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

5 Maklumat yang berikut dipetik dari buku Perniagaan Zubair.

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2011

| | RM |
|---|---|
| Untung Kasar | 20 000 |
| Tambah **R** | 2 300 |
| | 22 300 |
| Tolak **S** | 7 890 |
| Untung Bersih | 14 410 |

Apakah **R** dan **S**?

| | **R** | **S** |
|---|---|---|
| A | Gaji | Hutang lapuk |
| B | Hutang Lapuk Pulih | Sewa Diterima |
| C | Jualan | Belian |
| D | Komisen Diterima | Kadar Bayaran |



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



6 Urus niaga manakah yang menyebabkan aset dan liabiliti perniagaan bertambah?

A Beli lengkapan secara kredit

B Bayar pemiutang dengan cek

C Terima tunai daripada penghutang

D Ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri

7 Apakah fungsi dokumen perniagaan?

A Sebagai lampiran dokumen sokongan

B Sebagai alat perancangan dan kawalan

C Sebagai bukti bertulis sesuatu urus niaga telah berlaku

D Sebagai rujukan semasa penyediaan penyata kewangan

8 Maklumat yang berikut berkaitan dengan syarat diskaun tunai dalam satu invois.

| Diskaun tunai | |
|---|---|
| 10% | 10 hari |
| 2% | 30 hari |

Encik Wadi telah menerima invois berjumlah RM1 600 pada 10 Februari 2011. Beliau telah menjelaskan invois itu pada 2 Mac 2011. Hitungkan jumlah yang perlu dibayar oleh Encik Wadi.

A RM1 800

B RM1 960

C RM1 568

D RM1 440

9 Urus niaga yang manakah yang direkodkan dalam Jurnal Khas?

A Ambilan stok untuk tujuan promosi

B Jualan kenderaan terpakai secara kredit

C Beli lengkapan kedai dari Pembekal Fendy

D Pulangan barang niaga kepada Syarikat Amirul

*© 2011 Hak Cipta SBPSK*


Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



10 Urus niaga di bawah ini diambil daripada Perniagaan Alat Tulis Aqil.

<u>2011</u>

| | | |
|---|---|---|
| Jan | 1 | Baki tunai di tangan RM850 |
| | | Baki tunai di bank RM12 320 |
| | 4 | Beli barang niaga secara tunai RM340 |
| | 7 | Terima cek daripada Hisham bagi menjelaskan akaunnya RM1 380 |
| | 12 | Jualan tunai RM 760 |
| | 15 | Bayar sewa kedai dengan cek RM250 |
| | 18 | Bayar Pembekal Afiq dengan cek RM1 900 |

Hitungkan baki akhir tunai di bank.

A RM10 420

B RM11 550

C RM13 700

D RM15 230

11 Antara berikut butir yang manakah dicatatkan dalam Buku Tunai Runcit?

A Belanja pos

B Gaji pekerja

C Perabot pejabat

D Komputer pejabat

12 Jurnal Am di bawah diperoleh dari Kedai Runcit Cempaka.

Jurnal Am

| **Tarikh** | **Butiran** | **Debit** | **Kredit** |
|---|---|---|---|
| 2011 | | RM | RM |
| Jul 8 | Perabot | 2 000 | |
| | Perabot Mewah | | 2 000 |
| | (Membeli perabot pejabat secara kredit) | | |

Apakah catatan yang perlu direkodkan ke dalam lejar pada tarikh tersebut?



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



A

Akaun Perabot

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| | | Perabot Mewah | 2 000 |

Perabot Mewah

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Perabot | 2 000 | | |

B

Akaun Perabot

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Perabot Mewah | 2 000 | | |

Perabot Mewah

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| | | Perabot | 2 000 |

C

Akaun Perabot

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| | | Perabot | 2 000 |

Perabot Mewah

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Perabot Mewah | 2 000 | | |

D

Akaun Perabot

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Perabot | 2 000 | | |

Perabot Mewah

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| | | Perabot Mewah | 2 000 |

© 2011 Hak Cipta SBPSK



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



13 Buku Tunai berikut diperoleh dari Kedai Runcit Hamid.

**Buku Tunai**

| Tarikh | Butiran | Disk RM | Tunai RM | Bank RM | Tarikh | Butiran | Disk RM | Tunai RM | Bank RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2011 | | | | | 2011 | | | | |
| Jul 1 | Baki b/b | | 200 | 1 000 | Jul 2 | Belian | | 300 | |
| 2 | Komisen diterima | | | 400 | 3 | Gaji | | | 400 |
| 10 | Peniaga Wan | 20 | | 500 | 19 | Syarikat Teguh | 30 | | 500 |
| 15 | Jualan | | 600 | | 27 | Sewa | | | 300 |

Berdasarkan Buku Tunai di atas berapakah baki di Bank pada 31 Julai 2011?

A RM 500

B RM 700

C RM 800

D RM 1 900

14 Maklumat berikut dipetik daripada Buku Perniagaan Izzuddin pada 30 Jun 2011.

**Dt** **Akaun Kawalan Penghutang** **Kt**

| **Butir** | **Folio** | **RM** | **Butir** | **Folio** | **RM** |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki b/b | | 700 | Bank | | 3 000 |
| Jualan | | 10 000 | Pulangan jualan | | 500 |
| **Z** | | 450 | Hutang lapuk | | 250 |
| | | | Baki h/b | | 7 400 |
| | | **11 150** | | | **11 150** |

Apakah **Z**?

A Diskaun diterima

B Angkutan masuk

C Faedah

D Kontra



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



15 Apakah fungsi Imbangan Duga?

A Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan

B Mengira untung kasar dan untung bersih

C Menyemak ketepatan catatan bergu

D Menghitung jumlah modal

16

*Belanja membaiki kenderaan RM 3 000 dengan cek tersilap rekod ke Akaun Kenderaan.*

Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

| | Butiran | Debit RM | Kredit RM |
|---|---|---|---|
| A | Kenderaan | 3 000 | |
| | Belanja Membaiki Kenderaan | | 3 000 |
| B | Kenderaan | 3 000 | |
| | Bank | | 3 000 |
| C | Belanja Membaiki Kenderaan | 3 000 | |
| | Bank | | 3 000 |
| D | Belanja Membaiki Kenderaan | 3 000 | |
| | Kenderaan | | 3 000 |

17 Pemilik Perniagaan Lestari telah membeli insurans kedainya pada 1 Jun 2011 dengan premium berjumlah RM 1 080 untuk tempoh setahun.
Tempoh perakaunannya berakhir 31 Disember 2011.

Apakah pelarasan yang perlu diambil kira pada 31 Disember 2011?

A Insurans terdahulu RM450

B Insurans terakru RM450

C Insurans terdahulu RM540

D Insurans terakru RM540



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



18 Maklumat berikut diperolehi daripada Buku Perniagaan Suria.

| | **RM** |
|---|---|
| Penghutang | 12 600 |
| Peruntukan hutang ragu (1 Jun 2010) | 550 |

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 6 % atas penghutang.

Berapakah jumlah peruntukan hutang ragu yang perlu dicatatkan ke dalam Akaun Untung Rugi pada 31 Mei 2011?

A RM 756

B RM 723

C RM 550

D RM 206

19 Butir-butir berikut diberikan oleh Peniaga Rahmah pada 30 Jun 2011.

| | RM |
|---|---|
| Jualan | 40 000 |
| Belian | 25 000 |
| Stok awal | 2 500 |
| Stok akhir | 2 200 |
| Pulangan masuk | 400 |
| Duti import | 600 |
| Angkutan keluar | 200 |

Berdasarkan butir-butir di atas, kirakan untung kasar?

A RM 13 500

B RM 13 700

C RM 16 800

D RM 17 000



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



20 Berikut adalah petikan Kunci Kira-kira Perniagaan Mesra Ria pada 30 Jun 2011.

**Perniagaan Mesra Ria**
**Kunci kira-kira pada 30 Jun 2011**

| | RM | RM |
|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | |
| Kenderaan | | 35 000 |
| (-) Peruntukan susut nilai | | 7 000 |
| | | 28 000 |
| **Aset Semasa** | | |
| Bank | 55 000 | |
| Penghutang | 2 500 | |
| Stok akhir | 3 500 | |
| | 61 000 | |
| **Liabiliti Semasa** | | |
| Pemiutang | 3 200 | |
| **M** | | 57 800 |
| | | 85 800 |

Apakah butiran **M**?

**A** Modal tambahan

**B** Modal awal

**C** Modal akhir

**D** Moda kerja

21 En Saif mendapati baki Buku Tunai berbeza dengan Penyata Bank. Apakah yang menyebabkan perbezaan baki tersebut?

A Penerimaan cek telah dikreditkan oleh pihak bank

B Bayaran buku cek telah dikreditkan dalam Buku Tunai

C Pengeluaran cek telah dikemukakan kepada bank untuk bayaran

D Dividen pelaburan dibayar terus ke akaun perniagaan En Saif di bank



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



22 Petikan penyata Bank dan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Kedai Buku ZPH.

| Penyata Bank (petikan) | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Tarikh | Butir | No Cek | Debit | Kredit | Baki |
| 2010<br>Ogos 9 | | <br>00121 | RM | RM<br>250 | RM |

Buku Tunai (Ruangan Bank)

| Tarikh | Butir | RM | |
|---|---|---|---|
| 2010<br>Ogos 9 | <br>En Syaiful (00121) | <br>520 | |

Maklumat tambahan:

Sekeping cek daripada En Syaiful telah tersalah catat dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dibuat untuk mengemaskini Buku Tunai?

A Debit RM250

B Debit RM270

C Kredit RM270

D Kredit RM520

23 En. Annam ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya untuk tempoh 3 bulan berakhir 31 Ogos 2010. Beliau membeli Mesin daftar tunai berharga RM1 800 pada Jun dengan bayaran pendahuluan RM600. Baki akan dibayar pada bulan berikutnya. Berapakah bayaran mesin daftar tunai untuk bulan Julai?

A RM600

B RM1 200

C RM1 800

D RM2 400

24 Item manakah yang terdapat di bahagian penerimaan slip gaji?

A Bantuan sara hidup

B Caruman PERKESO

C Caruman KWSP

D Pinjaman Bank

© 2011 Hak Cipta SBPSK


Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



25 Antara berikut siapakah yang bertanggungjawab dalam hal-hal penggajian?

A Akauntan

B Pengarah Eksekutif

C Pengurus Kewangan

D Pengurus Sumber Manusia

26 En Aizat bertugas sebagai kerani akaun dan menerima gaji pokok RM1 880 sebulan.

Berikut ialah elaun-elaun yang diterima pada setiap bulan.

| | |
|---|---|
| Bantuan sara hidup | RM120 |
| Elaun Perumahan | RM100 |
| Elaun kerja lebih masa | RM150 |

Maklumat tambahan :

Kadar caruman pekerja kepada KWSP ialah 11%.

En Aizat membayar pinjaman kenderaan RM400 setiap bulan.

Berapakah gaji bersih En Aizat?

A RM1 619

B RM1 850

C RM2 250

D RM1 603

27 Apakah butiran yang direkodkan di sebelah debit dalam akaun semasa pekongsi?

A Gaji pekongsi

B Kongsi Untung

C Faedah Atas Modal

D Faedah Atas Ambilan



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



28 Berikut adalah Akaun Pengasingan Untung Rugi perkongsian Amir dan Amirul. Mereka bersetuju membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah 2:1.

Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Nov 2010

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Faedah Atas Modal: | | Untung bersih | 21 500 |
| Amir | 3 500 | | |
| Amirul | 3 000 | | |
| Kongsi Untung: | | | |
| Amir | ? | | |
| Amirul | ? | | |

Berapakah untung yang akan diperoleh Amir?

A RM5 000

B RM10 000

C RM15 000

D RM21 500

29 Antara berikut yang manakah terdapat dalam Kunci Kira-kira suatu perkongsian?

I Akaun Modal ahli kongsi

II Untung bersih ahli kongsi

III Akaun Ambilan ahli kongsi

IV Akaun Semasa ahli kongsi

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



30 Petikan Jurnal Am berikut diperoleh semasa pembubaran Perkongsian Syafiq dan Danial.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Dt | Akaun pemiutang | 6 400 | |
| Kt | Akaun Realisasi | | 400 |
| Kt | Akaun Bank | | 6 000 |

Apakah yang dimaksudkan dengan Akaun Realisasi 400?

A Membayar belanja realisasi

B Baki pemiutang yang belum dijelaskan semasa pembubaran

C Keuntungan yang diperoleh selepas penjelasan hutang kepada pemiutang

D Menerima diskaun daripada pemiutang kerana menjelaskan hutang semasa pembubaran.

31 Apakah jenis modal yang perlu dinyatakan di dalam Tatawujud Syarikat?

A Modal Berdaftar

B Modal Berbayar

C Modal Diterbitkan

D Modal Belum Diterbitkan

32 Berikut adalah petikan Ekuiti Pemilik dalam Kunci Kira-kira Husna Berhad pada 31 Julai 2011.

| | RM |
|---|---|
| **Modal Berdaftar** | |
| 5 000 000 unit 5% saham keutamaan RM2.00 sesaham | 10 000 000 |
| 2 000 000 unit saham biasa RM1.00 sesaham | 2 000 000 |
| | 12 000 000 |
| **Modal Diterbitkan dan Berbayar** | |
| **P** | 6 000 000 |
| 1 500 000 unit saham biasa RM1.00 sesaham | 1 500 000 |
| | 7 500 000 |

Nyatakan **P**.

A 3 000 000 unit saham biasa RM2.00 sesaham

B 6 000 000 unit saham biasa RM1.00 sesaham

C 2 000 000 unit 5% saham keutamaan RM3.00 sesaham

D 3 000 000 unit 5% saham keutamaan RM2.00 sesaham



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



33 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Kesenian Anna.

Akaun Yuran

| 2010 | | RM | 2010 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Jan 1 | Baki b/b | 400 | Jan 1 | Baki b/b | 520 |
| Dis 31 | **X** | 3 700 | Dis 31 | **Y** | 3 630 |
| | Baki h/b | 80 | | Baki h/b | 30 |
| | | 4 180 | | | 4 180 |
| 2011 | | | 2011 | | |
| Jan 1 | Baki b/b | 30 | Jan 1 | Baki b/b | 80 |

Apakah X dan Y ?

| | X | Y |
|---|---|---|
| A | Bank | Untung Rugi |
| B | Untung Rugi | Bank |
| C | Bank | Pendapatan dan Perbelanjaan |
| D | Pendapatan dan Perbelanjaan | Bank |

34 Apakah tujuan menyediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan dalam Kelab dan Persatuan?

A Mengira lebihan atau kurangan bagi operasi kelab dan persatuan

B Mengira baki akhir tunai di bank bagi operasi kelab dan persatuan

C Mengira untung kasar atau rugi kasar bagi operasi kelab dan persatuan

D Mengira untung bersih atau rugi bersih bagi operasi kelab dan persatuan

35 Modal bagi Perniagaan Amin adalah seperti berikut.

| | 01 Julai 2010<br>RM | 30 Jun 2011<br>RM |
|---|---|---|
| Modal | 20 190 | 21 340 |

Hitungkan untung atau rugi bersih perniagaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011.

A Rugi Bersih RM1 150

B Rugi Bersih RM1 940

C Untung Bersih RM1 150

D Untung Bersih RM1 940

© 2011 Hak Cipta SBPSK 

Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



36 Puan Annissa, pemilik Kedai Kain Anggun mengamalkan rekod tak lengkap. Aset dan liabiliti bagi perniagaan beliau pada 31 Mei 2011 adalah seperti berikut.

| | RM |
|---|---|
| Kenderaan | 15 000 |
| Stok akhir | 8 000 |
| Pemiutang | 3 800 |
| Penghutang | 5 800 |
| Bank | 21 000 |
| Kadar bayaran terakru | 900 |

Berapakah modal pada 31 Mei 2011?

A RM46 900

B RM45 100

C RM43 600

D RM38 500

37 Kos overhed ialah kos yang berkaitan secara tidak langsung dengan proses pengeluaran, tetapi berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian umum kilang. Antara berikut yang manakah dikategorikan sebagai kos overhed.

A Sewa pejabat

B Bayaran royalti

C Susut nilai mesin

D Operator pengeluaran

38 Data berikut diperoleh daripada Kilang Permainan Kanak-Kanak Zuhra.

| | RM |
|---|---|
| Upah buruh langsung | 28 000 |
| Kos bahan mentah | 30 000 |
| Belanja alat-alat kecil | 4 700 |
| Barang siap | 13 900 |

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

A RM76 700

B RM62 700

C RM48 800

D RM46 600



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



39 Butik Kecantikan Sofea menawarkan perkhidmatan rawatan muka yang berasaskan minyak aroma. Kos yang terlibat dalam perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

| | RM |
|---|---|
| Harga Jualan seunit | 60 |
| Kos berubah seunit | 40 |
| Kos tetap | 3 400 |

Berapakah bilangan perkhidmatan yang perlu diberikan sekiranya kos tetap meningkat sebanyak 10%?

A 187 unit

B 172 unit

C 170 unit

D 153 unit

40 Apakah alat pengukur yang digunakan untuk mengukur kemampuan sesebuah firma dalam usaha memperoleh keuntungan?

A Nisbah ujian asid

B Nisbah ujian mampu

C Pulangan atas modal

D Kadar pusing ganti stok

**KERTAS SOALAN TAMAT**



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM SELARAS SBP

**TAHUN 2011** **3756/2**
**PRINSIP PERAKAUNAN**
**KERTAS 2**
**OGOS**
**$2\frac{1}{2}$ jam** **Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. *Jawab* **semua** *soalan di* **Bahagian A** *dan* **dua** *soalan daripada* **Bahagian B.**
3. *Tulis jawapan anda pada* **Kertas Helaian Tambahan** *yang dibekalkan*.
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan*.
5. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak diprogram.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas ini mengandungi **11** halaman bercetak

© 2011 Hak Cipta SBPSK



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**BAHAGIAN A**
[**60 MARKAH**]
Jawab ***semua*** soalan

1 Anda dikehendaki menjawab di dalam kertas jawapan sendiri.

(a) Berikan akaun **kontra** bagi akaun induk di bawah:

| | **Akaun Induk** | **Akaun Kontra** |
|---|---|---|
| (i) | Akaun Jualan | |
| (ii) | Akaun Modal | |

[*2 markah*]

(b) Catatkan urusniaga berikut ke dalam Jurnal Am.

Pada 15 Julai 2011, pemilik perniagaan alat tulis mengambil 5 rim kertas bernilai RM50 untuk kegunaan pejabat.

**Jurnal Am**

| Tarikh | Butir | Folio | Debit | Kredit |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | | | |

[*2 markah*]

(c) Nyatakan 2 prinsip asas perakaunan yang digunakan untuk merekod aset bukan semasa.

(i)________________________________________________

(ii)________________________________________________

[*2 markah*]

(d) Hitung peruntukan hutang ragu yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi.

| | |
|---|---|
| Penghutang | RM5 000 |
| Peruntukan hutang ragu | RM120 |

Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% atas penghutang

[*2 markah*]

(e)

| | |
|---|---|
| Anggaran Belian | RM25 000 |
| Belian Sebenar | RM20 000 |

Hitungkan varian. Berikan kesan varian tersebut terhadap perniagaan.

[*2 markah*]

© 2011 Hak Cipta SBPSK



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



2 Afiq, Ammar dan Ashraf ialah pekongsi dalam Perkongsian 3A yang menjual alatan pertanian. Berikut adalah Imbangan Duga yang diambil daripada buku perkongsian selepas untung kasar diperolehi pada 31 Julai 2011.

Ikatan Perkongsian menyatakan:

(i) Untung atau rugi diagihkan mengikut nisbah 3:1:1.

(ii) Ammar akan dibayar gaji RM6 000 setahun.

(iii) Faedah atas modal akan dibayar 5% setahun.

(iv) Faedah atas ambilan akan dikenakan 10% setahun.

Imbangan Duga Pada 31 Julai 2011

| | Debit RM | Kredit RM |
|---|---|---|
| Modal pada 1 Ogos 2010 | | |
| Afiq | | 72 000 |
| Ammar | | 48 000 |
| Ashraf | | 44 000 |
| Akaun Semasa 1 Ogos 2010 | | |
| Afiq | | 1 400 |
| Ammar | 1 000 | |
| Ashraf | | 600 |
| Ambilan: | | |
| Afiq (1 November 2010) | 8 000 | |
| Ammar (1 Mac 2011) | 6 000 | |
| Ashraf (1 Ogos 2010) | 6 000 | |
| Penghutang dan Pemiutang | 46 000 | 51 000 |
| Peruntukan Hutang Ragu | | 2 000 |
| Tunai di tangan | 5 000 | |
| Susut Nilai Terkumpul Premis | | 24 000 |
| Susut Nilai Terkumpul Kenderaan | | 16 000 |
| Premis (kos) | 120 000 | |
| Kenderaan (kos) | 40 000 | |
| Bank | 10 000 | |
| Gaji pekerja | 7 500 | |
| Insurans | 9 600 | |
| Angkutan Keluar | 7 900 | |
| Promosi | 12 000 | |
| Untung Kasar | | 80 000 |
| Stok Akhir | 60 000 | |
| | 339 000 | 339 000 |



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**Maklumat tambahan:**

(i) Angkutan keluar terakru RM1 100.

(ii) Hutang lapuk dihapuskira RM1 000

(iii) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 4% atas baki penghutang.

(iv) Kenderaan akan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan manakala premis disusutnilaikan pada kadar 5% setahun mengikut kaedah garis lurus.

(v) Insurans dibayar untuk setahun dan berakhir pada 31 Oktober 2011.

(vi) Gaji pekerja termasuk gaji Ammar sebanyak RM5 000.

**Anda dikehendaki *menyediakan*:**

(a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Julai 2011. (termasuk penyata pengasingan untung rugi) [*14 markah*]

(b) Akaun Semasa setiap pekongsi berbentuk lajur. [*3 markah*]

(c) Kunci Kira-kira pada 31 Julai 2011. [*8 markah*]

© 2011 Hak Cipta SBPSK



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



3 Maklumat berikut telah diambil daripada buku perakaunan Kelab Fotografi Unik.

Baki-baki aset dan liabiliti :

| | 01 Julai 2010<br>RM | 30 Jun 2011<br>RM |
|---|---|---|
| Perabot | 5 400 | 6 390 |
| Stok kafetaria | 7 300 | 4 540 |
| Penghutang | 700 | 830 |
| Bank | 18 000 | 25 630 |
| Pemiutang | 1 200 | 600 |
| Yuran ahli tertunggak | 500 | 300 |
| Yuran ahli terdahulu | 200 | 400 |
| Kadar bayaran terdahulu | 90 | - |
| Sewa diterima terakru | 500 | 1 000 |

Penerimaan sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2011 :

| | RM |
|---|---|
| Yuran ahli | 3 700 |
| Yuran masuk | 550 |
| Kutipan pertandingan 'Gambar Si Comel' | 1 500 |
| Derma | 150 |
| Penerimaan daripada penghutang | 800 |
| Sewa diterima | 5 000 |
| Jualan kafetaria | 4 800 |

Pembayaran sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2011 :

| | RM |
|---|---|
| Pembayaran kepada pemiutang | 730 |
| Belian kafetaria | 890 |
| Kadar bayaran | 280 |
| Majalah dan akhbar | 120 |
| Perabot | 2 300 |
| Upah pekerja kafetaria | 1 750 |
| Belanja pertandingan 'Gambar Si Comel' | 1 200 |
| Kursus dan latihan | 1 600 |



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**Maklumat Tambahan** :

i. Majalah dan akhbar masih belum dijelaskan sebanyak RM60.

ii. Derma yang diterima dianggap sebagai pendapatan hasil.

**Anda dikehendaki *menyediakan***

(a) Akaun Kawalan Pemiutang. [*1 markah*]

(b) Akaun Kawalan Penghutang. [*1 markah*]

(c) Akaun Yuran. [*4 markah*]

(d) Akaun Perdagangan Kafetaria bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. [*6 markah*]

(e) Pengiraan untuk mencari keuntungan atau kerugian bagi pertandingan 'Gambar Si Comel'. [*1 markah*]

(f) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. [*12 markah*]

*© 2011 Hak Cipta SBPSK*


Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**BAHAGIAN B**
**[40 MARKAH]**
Pilih **dua** soalan sahaja

4 Reena seorang peniaga Kedai Bunga Reena menerima Penyata Bank bagi bulan Mac 2011. Beliau mendapati baki akhir Penyata bank berbeza dengan baki di Buku Tunainya. Berikut adalah Buku Tunai dan Penyata Bank bagi bulan tersebut.

Buku Tunai (Ruangan Bank)

| Tarikh | Butiran | Jumlah | Tarikh | Butiran | No. Cek | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2011 | | RM | 2011 | | | RM |
| Mac 5 | Jualan | 700 | Mac 1 | Baki b/b | | 4 500 |
| 7 | Arina | 1 000 | 2 | Belian | 5111 | 950 |
| 12 | Jualan | 1 500 | 7 | Alatan Pejabat | 5112 | 500 |
| 16 | Azrin | 890 | 10 | Syarikat Mawar | 5113 | 600 |
| 20 | Rita | 1 800 | 15 | Kadar Bayaran | 5114 | 250 |
| 22 | Salmi | 990 | 28 | Insurans | 5115 | 400 |
| 23 | Julia | 550 | 29 | Gaji | 5116 | 450 |
| 27 | Jualan | 1 500 | 31 | Baki h/b | | 2 185 |
| 28 | Komisen | 105 | | | | |
| 29 | Arina | 800 | | | | |
| | | 9 835 | | | | 9 835 |
| Apr 1 | Baki b/b | 2 185 | | | | |



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



Penyata Bank

| Tarikh | Butir | No. Cek | Debit | Kredit | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| 2011 | | | RM | RM | RM |
| Mac 1 | Baki b/b | | | | (3 490) |
| 4 | Cek | 5111 | 950 | | (4 440) |
| 5 | Cek | 5110 | 1 010 | | (5 450) |
| 8 | Cek | 5112 | 500 | | (5 950) |
| 6 | Deposit | | | 700 | (5 250) |
| 8 | Buku Cek | | 25 | | (5 275) |
| 9 | Deposit | | | 1 000 | (4 275) |
| 12 | Cek | 5113 | 600 | | (4 875) |
| 13 | Deposit | | | 1 500 | (3 375) |
| 15 | Dividen : Koperasi MM | | | 120 | (3 255) |
| 16 | Cek | 5114 | 250 | | (3 505) |
| 16 | Deposit | | | 980 | (2 525) |
| 19 | Pindahan Kredit : Kedai Cempaka | | | 500 | (2 025) |
| 20 | Pinjaman : Perintah Sedia ada | | 350 | | (2 375) |
| 22 | Deposit | | | 909 | (1 466) |
| 26 | Faedah atas overdraf | | 225 | | (1 691) |
| 27 | Sewa : Perintah sedia ada | | 600 | | (2 291) |
| 31 | Caj Bank | | 50 | | (2 341) |

**Maklumat Tambahan:**

i. Cek yang didepositkan pada 16 Mac 2011 dan 22 Mac 2011 tersalah catat dalam Buku Tunai.

ii. Cek yang diterima pada 23 Mac 2011 dikembalikan oleh pihak bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

**Anda dikehendaki:**

(a) Mengemaskini Buku Tunai Kedai Bunga Reena pada 31 Mac 2011. [*12 markah*]

(b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2011 bermula dengan baki Buku Tunai terselaras. [*8 markah*]

5 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kilang Batik Sentosa di Seremban,



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



Negeri Sembilan pada 31 Disember 2010.

| | RM | RM |
|---|---|---|
| Stok pada 1 Januari 2010 : | | |
| Barang siap | 8 876 | |
| Bahan langsung | 7 450 | |
| Alatan kilang | 1 800 | |
| Kerja dalam proses | 4 230 | |
| Belian bahan langsung | | 32 400 |
| Jualan barang siap | | 125 000 |
| Bahan bakar kilang | | 1 439 |
| Pulangan bahan langsung | | 468 |
| Insurans | | 1 348 |
| Kadar bayaran kilang | | 2 050 |
| Bahan bungkusan | | 850 |
| Gaji kerani pejabat | | 4 890 |
| Sewa | | 6 300 |
| Angkutan keluar | | 850 |
| Upah buruh tak langsung | | 5 300 |
| Belian alat tulis kilang | | 840 |
| Duti import bahan langsung | | 630 |
| Angkutan masuk bahan langsung | | 350 |
| Upah pekerja langsung | | 18 640 |
| Jentera | | 48 000 |
| Susut nilai terkumpul jentera | | 14 400 |
| Belian alatan kilang | | 4 500 |
| Belanja am kilang | | 2 180 |
| Stok pada 31 Disember 2010 : | | |
| Barang siap | 8 990 | |
| Bahan langsung | 6 310 | |
| Alatan kilang | 5 100 | |
| Kerja dalam proses | 3 850 | |



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**Maklumat tambahan**:

(i) Jentera disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

(ii) Alatan kilang disusutnilaikan mengikut kaedah penilaian semula.

(iii) Angkutan Masuk bahan langsung sebanyak RM150 telah tersalah catat dalam Angkutan Keluar.

(iv) Sewa dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2:1.

(v) Sebanyak 25% daripada belanja insurans adalah untuk kilang.

(vi) Kadar bayaran kilang terakru sebanyak RM500.

(vii) Belanja am kilang terdahulu sebanyak RM300.

(viii) Alat tulis yang belum digunakan pada 31 Disember 2010 sebanyak RM40.

**Anda dikehendaki *menyediakan*** :

(a) Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

[*15 markah*]

(b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

[*5 markah*]

*© 2011 Hak Cipta SBPSK*



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



6 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Dhivya pada 31 Disember 2010.

Buku Tunai (petikan)

| | | |
|---|---|---|
| | | RM |
| | Gaji | 28 000 |
| | Sewa | 4 800 |

Imbangan Duga (petikan)

| | Debit | Kredit |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Penghutang | 5 000 | |
| Peruntukan Hutang Ragu | | 400 |
| Lengkapan (1 Januari 2010) | 12 000 | |
| Susut Nilai Terkumpul Lengkapan | | 2 280 |

**Maklumat tambahan :**

Pelarasan di bawah belum diambil kira pada akhir tempoh perakaunan.

(i) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan kepada 5% daripada penghutang.

(ii) Pada 31 Disember 2010 Dhivya membawa masuk lengkapan bernilai RM 2 800 sebagai modal tambahan.

(iii) Lengkapan disusutnilaikan 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

(iv) Gaji terakru RM400.

(v) Sewa dibayar adalah untuk tempoh 1 Jun 2010 hingga 31 Mei 2011.

**Anda dikehendaki *menyediakan* :**

(a) Akaun Peruntukan Hutang Ragu. [*3 markah*]

(b) Akaun Susut Nilai Terkumpul Lengkapan. [*3 markah*]

(c) Akaun Gaji. [*3 markah*]

(d) Akaun Sewa. [*3 markah*]

(e) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 (petikan). [*3 markah*]

(f) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010 (petikan). [*5 markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM SELARAS SBP
TAHUN 2011

## PERATURAN PEMARKAHAN

## PRINSIP PERAKAUNAN

## KERTAS 1
## KERTAS 2

Kertas ini mengandungi **14** halaman bercetak

© 2011 Hak Cipta SBPSK



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/

**SKEMA JAWAPAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM SELARAS SBP 2011**

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**KERTAS 1**

| NO SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|
| 1 | A |
| 2 | C |
| 3 | C |
| 4 | B |
| 5 | D |
| 6 | A |
| 7 | C |
| 8 | C |
| 9 | D |
| 10 | B |
| 11 | A |
| 12 | B |
| 13 | B |
| 14 | C |
| 15 | C |
| 16 | D |
| 17 | A |
| 18 | D |
| 19 | B |
| 20 | D |

| NO SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|
| 21 | D |
| 22 | C |
| 23 | B |
| 24 | A |
| 25 | D |
| 26 | A |
| 27 | D |
| 28 | B |
| 29 | B |
| 30 | D |
| 31 | A |
| 32 | D |
| 33 | D |
| 34 | A |
| 35 | C |
| 36 | B |
| 37 | C |
| 38 | B |
| 39 | A |
| 40 | C |



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**SKEMA JAWAPAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM SELARAS SBP 2011**

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**KERTAS 2**

1(a) Berikan akaun **kontra** bagi akaun induk di bawah:

| | **Akaun Induk** | **Akaun Kontra** |
|---|---|---|
| (i) | Akaun Jualan | Pulangan Jualan/Diskaun Diberi ***1m*** |
| (ii) | Akaun Modal | Ambilan ***1m*** |

1(b) Catatkan urusniaga berikut ke dalam Jurnal Am.

Pada 15 Julai 2011, pemilik perniagaan alat tulis mengambil 5rim kertas bernilai RM50 untuk kegunaan pejabat.

**Jurnal Am**

| Tarikh | Butir | Folio | Debit(RM) | Kredit(RM) |
|---|---|---|---|---|
| 15 Julai 2011 | Alat tulis | ***1m*** | 50 | |
| | Belian | ***1m*** | | 50 |

*Mesti ada catatan bergu baru boleh bagi markah

1(c) Nyatakan 2 prinsip asas perakaunan yang digunakan untuk merekod aset bukan semasa.

(i) Kos Sejarah ***1m***

(ii) Nilai Saksama ***1m***

1(d) Hitung peruntukan hutang ragu yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi.

P.H.Ragu = RM5000 x 2%
= RM100 ***1m***

Hutang Ragu = RM(120-100)
= RM20 (hasil) ***1m***

1(e) Varian = Anggaran – Sebenar
= RM25 000 – RM20 000 ***1m***
= RM5 000
Kesan varian adalah MEMUASKAN / POSITIF ***1m***



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/

2(a)

Perkongsian 3A
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Julai 2011

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Untung Kasar | | | 80 000 | |
| Peruntukan Hutang Ragu | | | 200 | ***1m*** |
| | | | 80 200 | |
| Gaji Pekerja | 2 500 | ***1m*** | | |
| Insurans (9600-2400) | 7 200 | ***1m*** | | |
| Angkutan Keluar (7900 + 1100) | 9 000 | ***1m*** | | |
| Promosi | 12 000 | | | |
| Hutang Lapuk | 1 000 | ***1m*** | | |
| Susut Nilai Kenderaan [(40000-16000) X 10%] | 2 400 | ***1m*** | | |
| Susut Nilai Premis (120000 X 5%) | 6 000 | ***1m*** | 40 100 | |
| Untung Bersih | | | 40 100 | ***1m*** |
| Faedah Ambilan Afiq (8000x 10%X9/12) | | | 600 | ***1m*** |
| Faedah Ambilan Ammar (6000x 10%X5/12) | | | 250 | ***1m*** |
| Faedah Ambilan Ashraf (6000x10%) | | | 600 | ***1m*** |
| | | | 41 550 | |
| Gaji Ammar | 6 000 | | | |
| Faedah Modal Afiq (72000x5%) | 3 600 | | | |
| Faedah Modal Ammar (48000x5%) | 2 400 | ***1 For All*** | | |
| Faedah Modal Ashraf (44000x5%) | 2 200 | | 14 200 | |
| | | | 27 350 | |
| Kongsi Untung | | | | |
| Afiq (22350x3/5) | | | 16 410 | ***1OF*** |
| Ammar (22350x1/5) | | | 5 470 | ***1OF*** |
| Ashraf (22350x1/5) | | | 5 470 | |
| | | | 27 350 | |

[**14 Markah**]



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/

2(b)

Akaun Semasa

| | Afiq | Ammar | Ashraf | | Afiq | Ammar | Ashraf | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Baki b/b | | 1000 | | Baki b/b | 1400 | | 600 | |
| Ambilan | 8000 | 6000 | 6000 | Faedah modal* | 3600 | 2400 | 2200 | |
| Faedah Ambilan* | 600 | 250 | 600 | Gaji* | | 1000 | | ***(1m)*** |
| Baki h/b | 12810 | 1620 | 1670 | Kongsi untung* | 16410 | 5470 | 5470 | ***1OF*** |
| | 21410 | 8870 | 8270 | | 21410 | 8870 | 8270 | |
| | | | | Baki b/b | 12810 | 1620 | 1670 | ***1 for both*** |

[**3 Markah**]

**NOTA**

* angka sendiri rujuk PP

1of - betul 3/5( butir dan angka) dalam blok

baki akhir mesti sehingga baki b/b

Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/

2(c)

PERKONGSIAN 3A
KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 JULAI 2011

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| ***ASET BUKAN SEMASA*** | | | | | |
| Premis | 120 000 | | | | |
| Susut Nilai Terkumpul Premis | 30 000 | ***(1m)*** | | 90 000 | |
| Kenderaan | 40 000 | | | | |
| Susut Nilai Terkumpul Kenderaan | 18 400 | ***(1m)*** | | 21 600 | |
| | | | | 111 600 | |
| ***ASET SEMASA*** | | | | | |
| Penghutang (46000-1000) | 45 000 | ***(1m)*** | | | |
| (-) Peruntukan Hutang Ragu | 1 800 | | 43 200 | | |
| Tunai | | | 5 000 | | |
| Bank | | | 10 000 | | |
| Insurans Terdahulu | | | 2 400 | | |
| Stok Akhir | | | 60 000 | | |
| | | | 120 600 | ***1+1OF*** | |
| ***LIABILITI SEMASA*** | | | | | |
| Pemiutang | | | 51 000 | | |
| Angkutan Keluar Terakru | | | 1 100 | | |
| | | | 52 100 | ***(1m)*** | |
| ***MODAL KERJA*** | | | | 68 500 | ***(1m)*** |
| | | | | 180 100 | |
| ***EKUITI PEMILIK*** | | | | | |
| Modal Afiq | | | | 72 000 | |
| Modal Ammar | | | | 48 000 | |
| Modal Ashraf | | | | 44 000 | |
| Akaun Semasa Afiq | | | | 12 810 | |
| Akaun Semasa Ammar | | | | 1 620 | ***1OF*** |
| Akaun Semasa Ashraf | | | | 1 670 | |
| | | | | 180 100 | |

[**8 Markah**]

Aset Semasa
1OF -mesti ada penghutang-phr
- betul 3 butir dan angka drp 5

Akaun Semasa
1OF - sebarang baki dari Akaun Semasa 2(b)



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



3 (a) Akaun Kawalan Pemiutang

| 2011 | | RM | 2010 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Jun 30 | Bank | 730 | Jul 1 | Baki b/b | 1 200 |
| | Baki h/b | 600 | 2011 | | |
| | | | Jun 30 | **Belian *(1m)*** | **130*** |
| | | 1 330 | | | 1 330 |
| | | | 2011 | | |
| | | | Jul 1 | Baki b/b | 600 |

(b) Akaun Kawalan Penghutang

| 2010 | | RM | 2011 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Jul 1 | Baki b/b | 700 | Jun 30 | Bank | 800 |
| 2011 | | | | Baki h/b | 830 |
| Jun 30 | **Jualan *(1m)*** | **930*** | | | |
| | | 1 630 | | | 1 630 |
| 2011 | | | | | |
| Jul 1 | Baki b/b | 830 | | | |



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/

(c) Akaun Yuran

| 2010 | | RM | | 2010 | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jul 1 | Baki b/b | 500 | | Jul 1 | Baki b/b | 200 | ***(1 for both)*** |
| 2011 | | | | 2011 | | | |
| Jun 30 | **Pendapatan & Perbelanjaan** | **3 300** | **(*1m*)** | Jun 30 | Bank | 3 700 | ***(1m)*** |
| | Baki h/b | 400 | | | Baki h/b | 300 | |
| | | 4 200 | | | | 4 200 | |
| 2011 | | | | 2011 | | | |
| Jul 1 | Baki b/b | 300 | | Jul 1 | Baki b/b | 400 | ***(1 for both)*** |

(d) Kelab Fotografi Unik
Penyata Perdagangan Kafetaria bagi tahun berakhir 30 Jun 2011

| | RM | | RM | |
|---|---|---|---|---|
| Jualan **(4800+930)** | | | 5 730 | ***(1+1OF)*** |
| **Tolak Kos Jualan** | | | | |
| Stok awal | 7 300 | | | |
| Belian **(890+130)** | 1 020 | ***(1+1OF)*** | | |
| | 8 320 | | | |
| Tolak Stok akhir | 4 540 | | | |
| | 3 780 | | | |
| Tambah Upah pekerja | 1 750 | ***(1m)*** | | |
| | | | 5 530 | |
| **Untung Kafetaria** | | | **200** | ***(1m)*** |

Syarat 1OF

1. Belian mesti ada belian tunai (base)
2. Jualan mesti ada jualan tunai (base)



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



(e) ***Pengiraan untung atau rugi pertandingan 'Gambar Si Comel'***

| | | |
|---|---|---|
| Kutipan pertandingan | RM1 500 | |
| Tolak : Belanja pertandingan | RM1 200 | |
| **Untung pertandingan** | **RM 300** | ***(1m)*** |

(f)

Kelab Fotografi Unik
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011

| | RM | | RM | |
|---|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | | |
| Yuran ahli | 3 300 | ***(1OF)*** | | |
| Yuran masuk | 550 | | | |
| Untung pertandingan 'Gambar Si Comel' | 300 | ***(1OF)*** | | |
| Derma | 150 | ***(1m)*** | | |
| Sewa diterima (5000+1000-500) | 5 500 | ***(1+1OF)*** | | |
| Untung Kafetaria | 200 | ***(1OF)*** | 10 000 | |
| **<u>Tolak PERBELANJAAN</u>** | | | | |
| Kadar bayaran (280+90) | 370 | ***(1m)*** | | |
| Majalah dan akhbar (120+60) | 180 | ***(1m)*** | | |
| Belanja susut nilai perabot (5400+2300-6390) | 1 310 | ***(1+1OF)*** | | |
| Kursus dan latihan | 1 600 | | 3 460 | |
| **LEBIHAN** | | | **6 540** | ***(2m)*** |

Syarat 1OF

1. Susut nilai perabot (baki akhir – baki awal) ; (6390-5400)
2. Sewa diterima : 5000 (Base) + 1000 / 5000 (base) - 500



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/

4(a) Mengemaskini Buku Tunai

**Buku Tunai**

| **Tarikh** | **Butir** | **Jumlah** | | **Tarikh** | **Butir** | **Jumlah** | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2011 | | RM | | 2011 | | RM | |
| Mac 31 | Baki b/b | 2 185 | ***(1m)*** | Mac 31 | Buku Cek | 25 | ***(1m)*** |
| | Dividen | 120 | ***(1m)*** | | Pinjaman | 350 | ***(1m)*** |
| | Azrin (Kesilapan) | 90 | ***(1m)*** | | Salmi (Kesilapan) | 81 | ***(1m)*** |
| | Kedai Cempaka | 500 | ***(1m)*** | | Julia | 550 | ***(1m)*** |
| | | | | | Faedah Overdraf | 225 | ***(1m)*** |
| | | | | | Sewa | 600 | ***(1m)*** |
| | | | | | Caj bank | 50 | ***(1m)*** |
| | | | | | Baki h/b | 1 014 | |
| | | 2 895 | | | | 2 895 | |
| Apr 1 | Baki b/b | 1 014 | ***(1m)*** | | | | |

[**12 markah**]

b) Penyata Penyesuaian Bank

| **Kedai Bunga Reena**<br>**Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2011** | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | RM | | RM | |
| Baki **debit** di Buku Tunai | | | **1 014** | ***(1 OF)*** |
| *Tambah* Cek yang belum dikemukakan: | | | | |
| Insurans (No. cek : 5115) | 400 | ***(1m)*** | | |
| Gaji (No. cek: 5116) | 450 | ***(1m)*** | | |
| | | | 850 | |
| | | | 1 864 | |
| *Tolak* Deposit yang belum dikreditkan: | | | | |
| Rita | 1 800 | ***(1m)*** | | |
| Jualan | 1 500 | ***(1m)*** | | |
| Komisen | 105 | ***(1m)*** | | |
| Arina | 800 | ***(1m)*** | | |
| | | | 4 205 | |
| Baki **debit** di Penyata Bank | | | **(2 341)** | ***(1m)*** |

[**8 markah**]



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



5(a)

Kilang Batik Sentosa
Penyata Kos Pengeluaran Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2010

| | RM | | RM | |
|---|---|---|---|---|
| Stok awal bahan langsung | | | 7 450 | |
| Belian bahan langsung | 32 400 | | | |
| (-) Pulangan bahan langsung | 468 | | | |
| | 31 932 | | | |
| (+)Duti import bahan langsung | 630 | | | |
| Angkutan masuk bahan langsung(350+150) | 500 | ***(1m)*** | 33 062 | ***(1OF)*** |
| | | | 40 512 | |
| (-)Stok akhir bahan langsung | | | 6 310 | |
| | | | 34 202 | ***(1m)*** |
| Kos buruh langsung | | | | |
| Upah pekerja langsung | | | 18640 | ***(1m)*** |
| Kos Prima | | | 52 842 | |
| | | | | |
| Kos overhed | | | | |
| Bahan bakar kilang | 1439 | | | |
| Insurans kilang (1348x25%) | 337 | ***(1m)*** | | |
| Kadar bayaran kilang (2050+500) | 2 550 | ***(1m)*** | | |
| Bahan bungkusan | 850 | | | |
| Sewa kilang (2/3 x 6300) | 4 200 | ***(1m)*** | | |
| Upah buruh tak langsung | 5 300 | | | |
| Alat tulis kilang (840-40) | 800 | ***(1m)*** | | |
| Susutnilai jentera (10% x 48000) | 4 800 | ***(1m)*** | | |
| Susutnilai alatan kilang (1800+4500-5100) | 1 200 | ***(1m)*** | | |
| Belanja am kilang (2180-300) | 1 880 | ***(1m)*** | 23 356 | |
| | | | 76 198 | ***(1m)*** |
| (+)Kerja dalam proses awal | | | 4230 | |
| | | | 80 428 | |
| (-)Kerja dalam proses akhir | | | 3 850 | ***(1m)*** |
| Kos Pengeluaran | | | 76 578 | ***(1+1OF)*** |

[**15 markah**]

Syarat 1OF

1. Belian bersih (32400 (base)–468+630+350)
2. Kos pengeluaran ;
   a. operasi betul (bahan langsung+buruh langsung+overhed)
   b. Tiada butiran asing



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/

5(b)

Kilang Batik Sentosa
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

| | | | RM | |
|---|---|---|---|---|
| Jualan | | | 125 000 | ***(1m)*** |
| **Tolak Kos Jualan** | | | | |
| Stok Awal | 8 876 | ***(1m)*** | | |
| Kos Pengeluaran | 76 578 | ***(1OF)*** | | |
| | 85 454 | | | |
| (-)Stok Akhir | 8 990 | ***(1m)*** | | |
| Kos jualan barang siap | | | 76 464 | |
| UNTUNG KASAR | | | 48 536 | ***(1OF)*** |

[**5 markah**]

6
(a)

Akaun Peruntukan Hutang Ragu

| | | RM | | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 2010 | | | 2010 | | |
| Untung Rugi | ***(1m)*** | 150 | Baki b/b | ***(1m)*** | 400 |
| Baki h/b | | 250 | | | |
| | | 400 | | | 400 |
| | | | 2011 | | |
| | | | Baki b/b | ***(1m)*** | 250 |

[**3 markah**]

b)

Akaun Susut Nilai Terkumpul Lengkapan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2010 | | 2010 | | |
| Baki h/b | 3 252 | Baki b/b | ***(1m)*** | 2 280 |
| | | Belanja susut nilai / Untung Rugi | ***(1m)*** | 972 |
| | 3 252 | | | 3 252 |
| | | 2011 | | |
| | | Baki b/b | ***(1m)*** | 3 252 |

[**3 markah**]



Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/



c)

Akaun Gaji

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2010 | | | 2010 | | |
| Bank | ***(1m)*** | 28 000 | Untung Rugi | ***(1m)*** | 28 400 |
| Baki h/b | | 400 | | | |
| | | 28 400 | | | 28 400 |
| | | | 2011 | | |
| | | | Baki b/b | ***(1m)*** | 400 |

[**3 markah**]

**ATAU**

Akaun Gaji

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2010 | | | 2010 | | |
| Bank | ***(1m)*** | 28 000 | Untung Rugi | ***(1m)*** | 28 400 |
| Gaji Terakru | | 400 | | | |
| | | 28 400 | | | 28 400 |

Akaun Gaji Terakru

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2010 | | |
| | | | Gaji | ***(1m)*** | 400 |

d)

Akaun Sewa

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2010 | | | 2010 | | |
| Bank | ***(1m)*** | 4 800 | Untung Rugi | ***(1m)*** | 2 800 |
| | | | Baki h/b | | 2 000 |
| | | 4 800 | | | 4 800 |
| 2011 | | | | | |
| Baki b/b | ***(1m)*** | 2 000 | | | |

[**3 markah**]

**ATAU**

Akaun Sewa

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2010 | | | 2010 | | |
| Bank | ***(1m)*** | 4 800 | Untung Rugi | ***(1m)*** | 2 800 |
| | | | Sewa terdahulu | | 2 000 |
| | | 4 800 | | | 4 800 |

Akaun Sewa Terdahuluu

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2010 | | | | | |
| Sewa | ***(1m)*** | 2 000 | | | |

*© 2011 Hak Cipta SBPSK* 

Bank Soalan SPM.blogspot

http://banksoalanspm.blogspot.com/

e) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 (petikan)

| | | RM | | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Belanja susut nilai lengkapan | ***(1m)*** | 972 | Peruntukan Hutang Ragu | ***(1m)*** | 150 |
| Gaji | ***(1m)*** | 28 400 | | | |
| Sewa | ***(1m)*** | 2 800 | | | |

[**4 markah**]

f) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010 (petikan)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | | **Liabiliti Semasa** | | |
| Lengkapan | 14 800 | | Gaji terakru | ***(1m)*** | 400 |
| (-) Susut nilai terkumpul | 3 252 ***(1m)*** | | | | |
| | | 11 548 | | | |
| **Aset Semasa** | | | | | |
| Penghutang | 5 000 | | | | |
| (-) PHR | 250 ***(1m)*** | | | | |
| | | 4 750 | | | |
| Sewa terdahulu | ***(1m)*** | 2 000 | | | |

[**4 markah**]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



Bank Soalan SPM.blogspot